

8 Oktober 2009

Pengarang,
Surat & E-mel, Berita Harian

**Per: ARTIKEL “PENGGUNA TOUCH ‘N GO BINGUNG TIADA REKOD
TRANSAKSI, RUANGAN SURAT & E-MEL, 7 OKTOBER 2009**

Terlebih dahulu pihak Touch ‘n Go Sdn. Bhd. ingin mengucapkan terima kasih kepada pelanggan kami, En. Nik Mohd Zaim Ab Rahim dari Kuala Lumpur berkenaan dengan maklumbalas yang diberikan mengenai kehilangan transaksi penggunaan kad di dalam perkhidmatan e-Statement Touch ‘n Go.

Dari semakan yang telah kami lakukan, pengguna sudah pun mendaftar untuk perkhidmatan e-Statement pada 17hb September 2009. Oleh itu, pengguna hanya akan dapat menyemak transaksi penggunaan kad yang dimuat turun selepas tarikh pendaftaran tersebut.

Untuk keterangan lanjut, pengguna dinasihatkan menghubungi pegawai perkhidmatan pelanggan Touch ‘n Go di talian 03-76285115 atau e-mel kepada careline@touchngo.com.my

Terima kasih.

Yang benar,

TOUCH ‘N GO SDN. BHD.

A.AZMI JAFAR
Ketua Jabatan
Jabatan Perkhidmatan Pelanggan

rh